

0501

U 6898 BAH
MAHATHIR - PROTON

SHAH ALAM, 2 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, MENYARANKAN AGAR PERUSAHAAN OTOMOBIL NASIONAL (PROTON) MEMBUAT PERANCANGAN BAGI MENJADIKAN KERETA NASIONAL, PROTON SAGA, KERETA TERBAIK DAN PALING POPULAR DI DUNIA.

+ADALAH TIDAK MUSTAHIL BAGI PROTON SAGA MENJADI KERETA NO 1 DI DUNIA,+ KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 1,800 ORANG PEKERJA KILANG PROTON DISINI, HARI INI.

PERDANA MENTERI YAKIN MATLAMAT ITU BOLEH DICAPAI SEKIRANYA SELURUH KAKITANGAN PROTON DAN PIHAK PENGURUSANNYA GIGIH BEKERJA DAN BERAZAM TINGGI UNTUK MENGHASILKAN KERJA YANG BERMUTU.

KATANYA, WALAUPUN PROTON MASIH BARU DALAM INDUSTRI KERETA, HASIL KELUARANNYA SUDAH PUN MENDAPAT PENGIKTIRAFAN DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS PELANCARAN PENGELUARAN KERETA PROTON SAGA YANG KE-150,000 UNTUK PASARAN MALAYSIA DAN KE-10,000 UNTUK DIEKSPORT KE UNITED KINGDOM. -- LAGI
2017MST 02 12 89

0506

U 8899 BAH
MAHATHIR - PROTON 2 SHAH ALAM

BELIAU MENGIMBAS KEMBALI MASALAH YANG TERPAKSA DILALUI OLEH KERAJAAN SEMASA RANCANGAN HENDAK MENGELUARKAN KERETA NASIONAL ITU MULA DIURA-URAKAN DAHULU KERANA, MENURUTNYA, ADA PIHAK YANG MENGANGGAP PROJEK ITU SEBAGAI MUSTAHIL.

+BANYAK ORANG KATA, INI PROJEK GILA,+ KATANYA.

TAMBAHNYA, KINI SUDAH NYATA PERKARA YANG PERNAH DIANGGAP MUSTAHIL ITU TELAH PUN KITA LAKSANAKAN, MALAHAN SUDAH PUN BOLEH MENANDINGI KERETA-KERETA LAIN YANG TERNAMADI DUNIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATKAN KAKITANGAN PROTON SUPAYA MENGIKIS PERASAAN MALU DAN TAKUT UNTUK MENIMBA ILMU DARIPADA ORANG ASING.

SEBALIKNYA, MEREKA HARUS SANGGUP BELAJAR DARIPADA ORANG LAIN UNTUK MEMAHIRKAN KECEKAPAN MEREKA AGAR DAPAT BERDIKARI PADA MASA AKAN DATANG. -- LAGI
2026MST 02 12 89

0511

U B902 BAH
MAHATHIR - PROTON 3 SHAH ALAM

BELIAU JUGA MAHU SEMUA KAKITANGAN SYARIKAT ITU MENJADIKAN PENGHASILAN KERJA BERKUALITI SEBAGAI CIRI PERKHIDMATAN MEREKA SESUAI DENGAN GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG, YANG DILANCARKAN OLEH KERAJAAN ISNIN LEPAS.

MENGENAI KEMAJUAN YANG DICAPAI OLEH PROTON, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERBANGGA DENGAN KEJAYAAN KERETA NASIONAL ITU MENEROKAI PASARAN LUAR NEGERI DAN MENGUASAI PASARAN KERETA TEMPATAN.

PENGELUARAN UNTUK EKSPORT KE UNITED KINGDOM, UMPAMANYA MENINGKAT SEKALI GANDA TAHUN INI BERBANDING DENGAN JANGKAAN SEBANYAK 5,000 UNIT SAHAJA PADA MULANYA.

BELIAU MENYIFATKAN PENCAPAIAN KEJAYAAN ITU SEBAGAI HASIL PENGURUSAN YANG CEKAP DAN TAHAP DISIPLIN YANG TINGGI DI KALANGAN KAKITANGAN PROTON. -- BERNAMA

2034MST 02 12 89